

Pelanggan Yang Dihormati,

Adalah menjadi tanggungjawab sosial kami untuk menerangkan lebih lanjut tentang pengumuman rangsangan ekonomi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Moratorium yang ditawarkan oleh Maybank.

Soalan lazim di bawah ini mungkin boleh membantu pemahaman anda untuk persoalan yang timbul serta beberapa cadangan langkah yang boleh dilakukan.

Hubungi kami :

- Talian Khidmat Bantuan Pelanggan : [1300 88 6688](tel:1300886688) , tekan *1 untuk moratorium
- Emel : mgcc@maybank.com.my
- Pusat Kewangan Auto Maybank : [Klik sini](#) untuk senarai cawangan dan nombor telefon

Maybank bersedia meringankan bebanan kewangan anda dalam tempoh yang mencabar ini. Jaga keselamatan dan kesihatan anda.

SOALAN-SOALAN LAZIM MORATORIUM UNTUK PINJAMAN/PEMBIAYAAN SEWA BELI

No.	Soalan	Jawapan
Soalan Umum		
1.	Apakah Moratorium Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli?	<ul style="list-style-type: none"> • Ia adalah penangguhan pembayaran ansuran bulanan untuk pinjaman/ pembiayaan Sewa Beli untuk 6 bulan dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. • Dalam tempoh 6 bulan moratorium ini, pelanggan yang layak tidak perlu membuat pembayaran untuk pinjaman/pembiayaan mereka; dan tiada kadar faedah / keuntungan tambahan (kadar terma) akan dikenakan pada ansuran tertunda, tiada penalti atau caj pembayaran lewat akan dikenakan. • “Ansuran tertunda” dalam soalan lazim di sini merujuk kepada ansuran 6 bulan moratorium dari April 2020 hingga September 2020. * Rujuk perkara 5 untuk kelayakan moratorium.
2.	Apakah proses baru untuk Moratorium Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli?	<ul style="list-style-type: none"> • Selari dengan pengumuman Bank Negara Malaysia pada 30 April 2020, pelanggan perlu memberi persetujuan kepada pihak Maybank bahawa mereka ingin mengambil 6 bulan moratorium untuk pinjaman/ pembiayaan Sewa Beli.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui [Maybank2u](#).

No.	Soalan	Jawapan
3.	Bagaimana saya boleh memberi persetujuan?	<ul style="list-style-type: none"> Anda hendaklah memberikan persetujuan anda untuk mengambil moratorium ini melalui: <ol style="list-style-type: none"> Maybank2u (klik di sini) atau Maybank2u Biz (klik di sini) dan terus ke bahagian 'Announcement' untuk memberikan persetujuan anda; ATAU Pusat Kewangan Auto Maybank dengan menghubungi kami. Klik sini untuk senarai nombor telefon; ATAU talian Khidmat Bantuan Pelanggan : 1300 88 6688 , tekan *1 untuk moratorium
4.	Berapa lamakah tempoh moratorium ini?	<ul style="list-style-type: none"> Moratorium ini bermula dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.
5.	Adakah saya layak?	<ul style="list-style-type: none"> Sewa Beli Moratorium 6 bulan dibenarkan untuk pinjaman/ pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia bagi pelanggan Individu dan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) sama ada Konvensional atau Syariah, yang tidak mempunyai baki tunggakan lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020.
6.	Adakah saya layak untuk sertai Moratorium ini, jika saya bukan seorang Warganegara Malaysia?	<ul style="list-style-type: none"> Ya, anda layak untuk Moratorium mengikut syarat yang sama seperti perkara 5 di atas.

Persetujuan Moratorium

7.	Saya mempunyai beberapa pinjaman/ pembiayaan Sewa Beli dan <u>hanya mahu mengambil moratorium untuk pinjaman/ pembiayaan terpilih sahaja</u> . Apa yang perlu saya lakukan?	<ul style="list-style-type: none"> Sila rujuk perkara 3 di atas dan kenal pasti pinjaman/pembiayaan yang anda mahu ambil untuk moratorium ini. Jika anda tidak mahu mengambil moratorium bagi pinjaman/ pembiayaan yang lain, sila teruskan pembayaran bulanan ansuran anda untuk akaun tersebut. Sila rujuk perkara 8.
----	---	--

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No.	Soalan	Jawapan
8.	Apa yang berlaku jika saya <u>telah mengambil moratorium pada April 2020 tetapi tidak mahu moratorium sekarang?</u>	<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu membayar ansuran bulanan anda seperti biasa. • Jika anda masih belum membayar ansuran bagi bulan April dan Mei, anda perlu membayar ansuran-ansuran ini bersama pembayaran bulan Jun apabila tarikh tempoh pembayaran tiba; dan ini tidak akan menjejaskan rekod CCRIS anda. • Akan tetapi, sebarang pembayaran <u>selepas tarikh tempoh pembayaran bulan Jun 2020</u> akan dikenakan faedah tertunggak / kadar pembayaran lewat seperti yang tertakluk di dalam terma dan syarat tersedia ada dan status akaun <u>akan disenaraikan ke dalam rekod CCRIS anda.</u> • Sekiranya penjelasan lebih lanjut diperlukan, sila hubungi Pusat Kewangan Auto kami.
9.	Bagaimana jika saya <u>tidak mengambil moratorium ini pada April 2020</u> , apakah yang perlu saya lakukan?	<ul style="list-style-type: none"> • Sila teruskan pembayaran ansuran bulanan anda seperti biasa.
10.	Bagaimana jika saya <u>tidak mengambil moratorium automatik pada April 2020</u> , tetapi <u>mahu memberi persetujuan sekarang?</u>	<ul style="list-style-type: none"> • Sila rujuk perkara 3.
11.	Apa yang berlaku dengan pembayaran yang telah saya buat pada bulan April (dan Mei)? Adakah ia dibayar balik?	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan.
12.	Pinjaman/ pembiayaan Sewa Beli saya adalah pada jangka masa maksimum (9 tahun). Adakah pinjaman saya akan dilanjutkan kerana moratorium ini akan menanggungkan	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, <u>tempoh</u> pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan dan hanya untuk tempoh maksimum 6 bulan.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No.	Soalan	Jawapan
	pembayaran saya selama 6 bulan?	

Berkaitan Pembayaran

13.	Apakah yang akan terjadi kepada arahan tetap pembayaran saya apabila saya mengambil moratorium ini?	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran menerusi arahan tetap dari <u>akaun Maybank</u> <ol style="list-style-type: none"> Jika anda mengambil moratorium ini, pihak kami akan menggantung sementara arahan tetap tersebut dan akan mengaktifkannya semula mulai 1 Oktober 2020. Jika anda <u>tidak mahu</u> mengambil moratorium ini dan mempunyai arahan tetap, sila menghubungi Pusat Kewangan Auto kami untuk bantuan. Untuk pembayaran menerusi arahan tetap dari <u>bank-bank lain</u>, anda perlu berhubung dengan pihak bank tersebut untuk menggantung sementara arahan tetap tersebut dan mengaktifkannya kembali selepas 1 Oktober 2020.
14.	Apakah yang akan terjadi kepada pembayaran berulang saya di Maybank2u jika saya mengambil moratorium ini?	<ul style="list-style-type: none"> Jika anda menggunakan pembayaran berulang melalui Maybank2u untuk membayar pinjaman/pembiayaan Sewa Beli anda, <u>silalah ditetapkan semula pembayaran tersebut untuk bermula pada Oktober 2020.</u> Jika arahan pembayaran berulang anda tidak dikemaskini, pembayaran akan dilakukan seperti biasa dan tidak akan dipulangkan.
15.	Adakah saya akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tambahan dalam tempoh 6 bulan penangguhan?	<ul style="list-style-type: none"> Tiada kadar faedah/keuntungan tambahan akan dikenakan pada ansuran tertangguh semasa dan selepas tempoh moratorium.
16.	Adakah pinjaman/pembiayaan Sewa Beli saya akan dilanjutkan secara automatik selepas tempoh moratorium?	<ul style="list-style-type: none"> Ya, pinjaman/pembiayaan Sewa Beli anda akan dilanjutkan selama 6 bulan dari tempoh asal.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No.	Soalan	Jawapan
17.	Adakah amaun ansuran saya akan berubah?	<ul style="list-style-type: none"> • Ansuran bulanan anda tidak akan berubah selepas moratorium dan semasa tempoh lanjutan.
18.	Adakah rekod CCRIS saya akan terjejas dengan penangguhan pembayaran moratorium 6 bulan?	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas akibat moratorium 6 bulan ini. • Jika akaun anda ketika ini mempunyai sebarang tunggakan sehingga 1 April 2020, status akaun dengan tunggakan akan sama seperti sebelumnya sehingga 30 September 2020, kecuali jika anda membayar tunggakan tersebut semasa tempoh moratorium Sewa Beli.
19.	Apakah yang perlu saya lakukan selepas tamat tempoh moratorium?	<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu membuat bayaran ansuran bulanan anda seperti biasa.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.